



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**KEBERKESANAN PERGURUSAN RAIHAN EVENT  
MANAGEMENT (M) SDN. BHD**

Ahmad Nasaruddin Bin Othman

HD  
31  
A286  
2006

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)  
2006

611297460

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
UNIVERSITY OF MALAYA  
W4310 Kota Samarahan

P KIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK

UNIMAS



1000191071

**KEBERKESANAN PENGURUSAN RAIHAN EVENT MANAGEMENT (M) SDN. BHD**

AHMAD NASARUDDIN BIN OTHMAN

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2006

# UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS / LAPORAN

JUDUL: KEBERKESANAN PENGURUSAN RAIHAN EVENT MANAGEMENT (M) SDN. BHD

SESI PENGAJIAN : 2003 / 2004

Saya AHMAD NASARUDDIN BIN OTHMAN

Mengaku membenarkan tesis / Laporan \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis / Laporan adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan.
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis / laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
5. \* sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



Tarikh : 27/04/06

Alamat tetap  
5-052 Kampung Kuala Kemaman,  
24000 Kemaman,  
Terengganu Darul Iman.

Ditahapkan  


Tarikh : 27/04/06


Qistina Donna Lee Abdullah  
Pensyaran  
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Catatan : \* Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

\* Jika Tesis/ Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

Projek bertajuk 'Keberkesanan Pengurusan Raihan Event Management (M) Sdn. Bhd' telah disediakan oleh Ahmad Nasaruddin bin Othman dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan kepujian (Pengurusan Seni).


Diterima untuk diperiksa oleh:



Puan Qistina Donna Lee Abdullah

Penyelia Program Pengurusan Seni

Tarikh:




Qistina Donna Lee Abdullah  
Pensyarah  
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

## PENGESAHAN

Adalah dengan ini diakui bahawa kajian Tesis bertajuk “ Keberkesanan Pengurusan Raihan Event Management (M) Sdn. Bhd telah disediakan dan dikemukakan oleh Ahmad Nasaruddin bin Othman yang merupakan sebahagian dari keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dan Kreatif (Kepujian) dalam program Pengurusan Seni telah diterima.

Disahkan oleh :



Qistina Donna Lee Abdullah  
Pensyarah  
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Pn. Qistina Donna Lee Abdullah  
Penyelia

.....  
En. Zulkalnain Zainal Abidin  
Ketua Program Pengurusan Seni,  
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif,  
Universiti Malaysia Sarawak.

.....  
Prof. Madya Mohd Fadzil Abd. Rahman  
Dekan,  
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif,  
Universiti Malaysia Sarawak.

## PENGAKUAN

Saya mengakui tiada bahagian daripada penyelidikan ini yang dipamerkan di dalam Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah @ kelulusan sama ada kepada universiti ini @ institusi pengajian tinggi (IPT) yang lain.

Yang Benar,



AHMAD NASARUDDIN BIN OTHMAN

9742

Program Pengurusan Seni

## PENGHARGAAN

Penyelidikan ini banyak menggunakan dan mengadaptasikan bahan-bahan dari sumber lain sebagai bahan rujukan. Kesemua bahan rujukan ini digunakan adalah untuk memantapkan penjelasan dan huraian mengenai perkara-perkara yang dibincangkan dalam menilai tahap keberkesanan pengurusan sesebuah syarikat. Dengan ini saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan dan membantu menyiapkan hasil kajian ini.

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya dari Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, Puan Qistina Donna Lee Abdullah yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan tidak jemu-jemu memberikan kerjasama serta membantu saya dalam menyiapkan kajian mengenai “Keberkesanan Pengurusan Raihan Event Management (M) Sdn. Bhd”. Jasa dan pengorbanan beliau amatlah dihargai dan Allah Taala sahaja yang dapat membalas jasa beliau.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan khas kepada kumpulan nasyid Raihan dan syarikat Raihan Event Management (M) Sdn. Bhd kerana telah memberi kerjasama yang sepenuhnya dalam menyumbangkan maklumat yang berkaitan dengan kajian ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga kepada semua kakitangan syarikat kerana telah banyak membantu dalam memberi maklumat dan memberikan kerjasama.

Tidak lupa juga kepada insan tersayang iaitu kedua ibubapa saya yang banyak memberi peransang dan semangat serta menyokong saya dalam menyiapkan kajian ini. Terima kasih Bat dan Umi. Selain itu, mereka juga banyak memberi nasihat, dorongan dan panduan kepada saya supaya tidak berputus asa dalam melakukan sesuatu tugas.

Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan terutama sekali kepada Cik Arwina Shima binti Sharin Yusop yang banyak membantu saya dalam menyiapkan kajian ini dan memberi komen yang membina.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam menyumbangkan maklumat dan sokongan dalam menyiapkan kajian ini. Segala jasa dan budi baik anda semua amatlah saya hargai dan sanjungi. Tanpa sokongan dan kerjasama daripada semua pihak sudah pasti saya tidak dapat menyiapkan kajian ini dengan jayanya.



## ISI KANDUNGAN

## HALAMAN

PENGESAHAN	i
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ISI KANDUNGAN	v
ABSTRAK	ix
ABSTRACT	x

## BAB 1 : PENGENALAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Penyataan Masalah	3
1.2 Objektif Kajian	4
1.3 Skop Kajian	4
1.4 Definisi Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian	10
1.6 Kesimpulan	10

## BAB 2 : SOROTAN KESUSASTERAAN

2.0 Pengenalan	12
2.1 Kandungan Umum	13
2.2 Kajian Terdahulu	14
2.3 Perkaitan dengan Kajian	20
2.4 Kesimpulan	22

### **BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN**

3.0 Pengenalan	23
3.1 Lokasi Kajian	24
3.2 Sumber Data	24
3.3 Data Primer	25
3.4 Data Sekunder	26
3.5 Populasi	27
3.6 Instrumen Kajian	27
3.7 Limitasi Kajian	28
3.8 Kesimpulan	29

### **BAB 4 : ANALISA DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

4.0 Pengenalan	30
4.1 Analisa Daripada Pihak Pengurusan	31
4.1.1 Sistem Pengurusan Dan Pentadbiran	31
4.1.2 Orang Yang Bertanggungjawab Menguruskan Acara Dan Persembahan	33
4.1.3 Jenis Media Yang Digunakan untuk Mempromosikan Barang-Barang Keluaran	34
4.1.4 Peranan Syarikat Di Dalam Menguruskan Persembahan	35
4.1.5 Sumber Pendapatan Syarikat	37
4.1.6 Bentuk Dan Cara Bayaran Yang Diterima	38
4.1.7 Pihak Yang Bertanggungjawab Mengendalikan Dan Menguruskan Kumpulan Raihan Semasa 'World Tour'	39
4.1.8 Perancangan Syarikat Pada Masa Akan Datang	41
4.1.9 Strategi Syarikat Dalam Menghadapi Persaingan	42
4.1.10 Pengurusan Sumber Kewangan Dan Pembayaran Royalti	43
4.1.11 Tujuan Penubuhan Syarikat	44

4.1.12 Penajaan	46
4.2 Analisa Kakitangan Syarikat	
4.2.1 Cara Pembayaran Gaji Yang Diterima	47
4.2.2 Waktu Bekerja	48
4.2.3 Layanan Yang Diberikan Majikan	49
4.3 Kesimpulan	50

## **BAB 5 : CADANGAN DAN RUMUSAN**

5.0 Pengenalan	51
5.1 Cadangan Dan Saranan	52
5.2 Kesimpulan	58
5.2 Rumusan	59

<b>BIBLIOGRAFI</b>	61
--------------------	----

<b>LAMPIRAN</b>	64
-----------------	----

## **KEBERKESANAN PENGURUSAN RAIHAN EVENT MANAGEMENT (M) SDN. BHD.**

### **KATA KUNCI**

Pengurusan

### **PENGARANG**

Ahmad Nasaruddin Bin Othman, Pelajar, Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak. Emel: insan\_hamba@yahoo.com.my

### **ABSTRAK**

Kajian ini berkenaan dengan pengurusan Raihan Event Management (M) Sdn. Bhd di dalam pengendalian aktiviti-aktiviti persembahan dan pengurusan syarikat. Selain itu, pengkaji ingin mengkaji bagaimana syarikat ini menguruskan hal kewangan dan mendapatkan sumber pendapatan. Fokus pengurusan adalah lebih kepada kaedah dan cara pengurusan tersebut.

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.0 Pengenalan

Raihan Event Management (M) Sdn. Bhd telah ditubuhkan secara rasminya pada 21 Disember 2000. Ianya merupakan sebuah syarikat pengurusan acara yang menguruskan semua acara dan persembahan kumpulan Raihan. Syarikat ini terletak di Bandar Sri Damansara, Kuala Lumpur.

Kumpulan Raihan telah ditubuhkan pada bulan Oktober 1996 dan telah dianggotai lima orang ahli iaitu Nazrey Johani, Abu Bakar Mohd Yatim, Che Amran Idris, Amran Ibrahim dan Azahari Ahmad. Ketua kumpulan Raihan pada masa ini ialah Azahari Ahmad. Perkataan Raihan membawa maksud 'Haruman Dari Syurga'. Pada 29 September 2001, Azahari Ahmad telah kembali ke Rahmatullah dan kini ahli kumpulan Raihan hanya tinggal empat orang.

Pada masa sekarang syarikat Raihan Event Management (M) Sdn. Bhd mempunyai tiga orang pengarah tertinggi (board of director) iaitu Che Amran Idris, Abu Bakar Md. Yatim dan Nazrey Johani. Namun begitu, syarikat ini diuruskan sepenuhnya oleh Pengarah Urusan, Che Amran Idris dan juga selaku ketua kumpulan Raihan. Beliau dibantu oleh Encik Ramli Ab. Samad sebagai Eksekutif Perhubungan Awam yang menguruskan segala acara persembahan kumpulan Raihan. Kumpulan Raihan adalah artis di bawah syarikat rakaman Warner Music (M) Sdn. Bhd.

Kumpulan nasyid Raihan ini mempunyai objektif yang tersendiri dalam menyampaikan lagu berunsurkan keagamaan dan ketuhanan. Antara objektif kumpulan ini ialah :

- Bersama “menangani masalah gejala sosila yang kini sedang berleluasa melalui bidang hiburan yang sememangnya diminati (remaja)”
- Menjadikan bidang hiburan ini ( nasyid )supaya menjadi ikutan dan memberi contoh yang baik seperti melalui mesej lagu dan penampilan.
- Mengajak masyarakat menghayati dan mengamalkan cara hidup yang sihat dan bermanfaat melalui lagu-lagu yang berkonsepkan ketuhanan ,kesedaran dan keinsafan agar masyarakat dapat berhibur sambil mengambil manfaat.
- Mengagungkan kalimah Allah dan memeriahkan ucapan selawat kepada Nabi Muhammad S.A.W.
- Menampilkan konsep "Edutainment" dan "Easy Listening" yang digabungkan dengan mesej ketuhanan.
- Menggunakan elemen muzik yang sederhana yang boleh dikategorikan sebagai "World Music" agar sesuai untuk dihayati oleh semua pendengar seantero dunia.
- Motto kumpulan ialah “PRAY HARD, WORK SMART”.
- Logo syarikat :



## 1.1 **Penyataan Masalah**

Dalam kajian ini, masalah yang diutarakan dalam sesebuah pengurusan tidak boleh terlepas daripada membincangkan masalah pengurusan sesebuah syarikat yang mengurus dan mengendalikan acara kesenian. Secara amnya, di Malaysia terdapat pelbagai syarikat yang menguruskan acara kesenian seperti Siti Nurhaliza Production Sdn. Bhd, KRU Production Sdn. Bhd, Hijjaz Record Sdn. Bhd, Telaga Biru Sdn Bhd dan sebagainya. Namun begitu, syarikat yang ingin dibincangkan di sini ialah syarikat Raihan Event Management (M) Sdn. Bhd.

Melalui syarikat ini, kita ingin melihat beberapa aspek pengurusan seperti :

- 1) bagaimanakah bentuk pengurusan yang dijalankan dalam mengurus syarikat, artis dan mengendalikan aktiviti-aktiviti persembahan kumpulan Raihan.
- 2) peranan yang dimainkan oleh syarikat ini dalam menguruskan syarikat dan persembahan acara.

Semua dilihat bagi memastikan ianya mencapai objektif dan matlamat sebagai sebuah syarikat pengurusan acara di Malaysia.

Raihan Event Management (M) Sdn. Bhd merupakan syarikat yang bertanggungjawab di dalam menguruskan persembahan dan aktiviti-aktiviti kumpulan Raihan. Walaubagaimanapun ianya mempunyai kelemahan yang perlu dibaiki untuk meningkatkan prestasi pengurusan dengan lebih efektif. Antara kelemahan yang perlu dibaiki ialah dari segi pengurusan syarikat seperti pengurusan kewangan, acara dan artis. Ianya melibatkan masalah kewangan dan mencari sumber

pendapatan bagi membantu meningkatkan prestasi pengurusan syarikat. Perkara sedemikian telah menunjukkan satu kelemahan dan masalah yang perlu dibaiki serta diselesaikan bagi memajukan syarikat ini pada masa akan datang.

## **1.2 Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji dan melihat sejauhmana keberkesanan pengurusan Raihan Event Management (M) Sdn. Bhd sebagai sebuah syarikat yang menguruskan acara. Selain itu, pengkaji ingin melihat bagaimana syarikat ini mengurus dan mengendalikan syarikat itu sendiri, artis dan persembahan.

Pengkaji juga ingin mengetahui bagaimana syarikat ini mengaplikasikan kaedah pengurusan. Justeru itu pengkaji juga ingin mengetahui masalah yang dihadapi oleh syarikat ini apabila mengendalikan sesebuah acara dan persembahan untuk kumpulan nasyid Raihan.

## **1.3 Skop Kajian**

Fokus utama yang perlu dikaji adalah untuk meningkatkan tahap pengurusan syarikat ini dengan lebih efisien di dalam menguruskan dan mengendalikan syarikat pengurusan acara. Selain itu, ia lebih memfokuskan kepada pengurusan syarikat yang sistematik tanpa menjejaskan



reputasi persembahan artis. Keberkesanan dikaji bagi memastikan syarikat ini dapat menguruskan syarikat dengan lebih efektif dalam mencapai objektif dan kemajuan syarikat.

#### **1.4 Definisi Pengurusan**

Pengurusan merupakan satu sistem yang penting dalam kehidupan seharian. Tanpa pengurusan, sesuatu perkara itu tidak dapat dilakukan dengan baik dan berjalan lancar. Begitu juga dengan setiap organisasi seperti syarikat pengurusan acara. Setiap syarikat acara atau organisasi perlu mempunyai misi, visi dan halatuju pengurusan yang tersendiri dalam mewujudkan satu pengurusan yang berkesan seperti sistem pengurusan yang berkualiti. Hal ini perlu diketengahkan dan dipraktikkan oleh syarikat pengurusan acara seperti Raihan Event Management (M) Sdn. Bhd.

Pengurusan ialah satu proses menguruskan aktiviti-aktiviti kerja secara efektif dan efisien melalui orang atau pekerja. Pengurusan adalah melaksanakan sesuatu pekerjaan melalui manusia. Ianya juga adalah satu proses sosial yang dibentuk, disusun untuk mewujudkan kerjasama dan penglibatan ahli-ahli dalam organisasi untuk mencapai sesuatu objektif atau matlamat. Selain itu, pengurusan juga melibatkan proses kemanusiaan.

Mengikut Henry Fayol, setiap pengurusan yang baik dan berkesan mesti mempunyai prinsip. Oleh itu beliau telah mengemukakan 14 prinsip pengurusan yang wujud dalam organisasi iaitu :

- Pembahagian kerja

- Kewibawaan
- Disiplin
- Menerima arahan dari orang lain
- Seorang ketua bagi satu unit/bahagian
- Mementingkan kehendak masyarakat dari kehendak individu
- Gaji atau upah
- Pemusatan
- Aliran kewibawaan
- Mengikut arahan
- Persamaan
- Kestabilan kerja
- Inisiatif dan daya usaha
- *Espirit de coup*

Bagi mencapai objektif keberkesanan pengurusan, syarikat atau organisasi tidak boleh lari dari elemen pengurusan dan juga proses pengurusan. Setiap pengurusan sesebuah syarikat pengurusan acara perlu mengikut serta mematuhi elemen dan proses pengurusan bagi melancarkan pengurusan. Elemen pengurusan adalah seperti :

- Membuat keputusan
  - pengurus sesebuah organisasi perlu membuat keputusan yang bijak dalam melakukan sesuatu tindakan

- Menyelesaikan masalah
  - pengurus perlu menyelesaikan masalah yang timbul dengan bijak bagi mengatasi masalah atau halangan yang boleh menyebabkan pencapaian objektif terbantut atau terhalang
  
- Hubungan manusia
  - digunakan untuk mendapatkan persefahaman antara pekerja dan juga kerjasama
  
- Komunikasi
  - satu kuasa penggerak dan proses dinamik dalam sesebuah organisasi yang mana boleh meningkatkan kerjasama dalam mencapai matlamat syarikat

Manakala proses pengurusan juga perlu dipraktikkan oleh sesebuah syarikat atau organisasi seperti syarikat Raihan Event Management (M) Sdn. Bhd. yang menguruskan acara atau artis. Mengikut takrifan UNESCO, proses ini dikenali sebagai proses PODC (Planning, Organising, Directing, Controlling) iaitu merancang, mengelola, mengarah dan mengawal. Setiap pengurus perlu mengikut proses ini bagi memajukan syarikat atau organisasi dalam mencapai matlamat.

- Planning (merancang)
  - tentukan apa, bila, siapa dan bagaimana hendak dibuat.

- kenalpasti objektif dan tetapkan kaedah pencapaian keberkesanan yang paling maksimum melalui proses penetapan matlamat.
- kumpul serta membuat analisis maklumat.
- mencari alternatif atau pilihan.
- sediakan atau menghubungkan perancangan dengan keputusan.
- Organising (mengelola)
  - dapatkan peralatan, kelengkapan dan staf untuk wujudkan rangk dasar yang baik untuk menjalankan segala aktiviti perancangan yang telah dirancangan.
  - kumpulkan segala komponen pekerjaan ke dalam satu struktur yang baik.
  - membentuk struktur kuasa atau wibawa (authority) dan selaraskan dengan jentera pelaksanaan.
  - susun dan jelaskan kaedah dan prosedur.
  - memilih, melatih dan memberitahu staf serta mendapatkan sumber-sumber lain yang perlu.

- Directing (mengarah)
  - membentuk rangka kerja untuk menguruskan masa dan perbelanjaan.
  - memperkenalkan dan memberi kepimpinan dalam pelaksanaan perancangan dengan cara membuat keputusan.
  - mengeluarkan arahan-arahan tertentu.
  - memimpin, mengelola dan memberi motivasi.
- Controlling (mengarah)
  - menilai segala kerja yang dijalankan di peringkat perancangan.
  - melaporkan segala penyelewengan, kelemahan dengan segera supaya dapat dibetulkan.
  - menetapkan pencapaian dan memperbaiki penyelewengan dan kelemahan.

Secara keseluruhannya, bahagian-bahagian yang dibincangkan ini mempunyai perkaitan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Setiap organisasi atau syarikat perlu mengamalkan cara-cara yang telah dikemukakan oleh tokoh teori pengurusan iaitu Henry Fayol.

- Directing (mengarah)
  - membentuk rangka kerja untuk menguruskan masa dan perbelanjaan.
  - memperkenalkan dan memberi kepimpinan dalam pelaksanaan perancangan dengan cara membuat keputusan.
  - mengeluarkan arahan-arahan tertentu.
  - memimpin, mengelola dan memberi motivasi.
- Controlling (mengarah)
  - menilai segala kerja yang dijalankan di peringkat perancangan.
  - melaporkan segala penyelewengan, kelemahan dengan segera supaya dapat dibetulkan.
  - menetapkan pencapaian dan memperbaiki penyelewengan dan kelemahan.

Secara keseluruhannya, bahagian-bahagian yang dibincangkan ini mempunyai perkaitan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Setiap organisasi atau syarikat perlu mengamalkan cara-cara yang telah dikemukakan oleh tokoh teori pengurusan iaitu Henry Fayol.

Pihak pengurusan seperti syarikat Raihan Event Management (M) Sdn. Bhd perlu mengamalkan dan mempraktiskannya semasa menjalankan pengurusan.

## **1.5 Kepentingan Penyelidikan**

Hasil kajian yang diperolehi ialah mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh Raihan Event Management (M) Sdn. Bhd. dalam memainkan peranan sebagai sebuah syarikat pengurusan acara dan tahap keberkesanan pengurusan syarikat dalam semua aspek.

Keputusan kajian ini akan membantu pengkaji-pengkaji lain yang turut sama dalam membuat kajian untuk meningkatkan tahap penyelidikan dan mengenalpasti pelbagai masalah di dalam mengendalikan acara. Selain itu, para pengkaji dapat membuat kajian terhadap syarikat pengurusan acara yang lain sama ada di dalam atau luar negara bagi menentukan keberkesanan pengurusan syarikat.

## **1.6 Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, pengurusan amat penting dalam kehidupan seharian. Lebih-lebih lagi kepada sesebuah syarikat atau organisasi. Bagi syarikat Raihan Event Management (M) Sdn.

Bhd., pengurusan amat penting kerana ia akan melicinkan dan melancarkan segala urusan yang berkenaan dengan syarikat dan juga artis yang bernaung di bawah syarikat ini.

Tanpa pengurusan yang betul, segala urusan akan menjadi kucar kacir malah syarikat dan artis akan mengalami kejatuhan yang teruk. Pengurusan akan membantu syarikat Raihan Event Management (M) Sdn. Bhd. menguruskan kumpulan Raihan dari segala aspek terutamanya apabila kumpulan ini mengadakan persembahan.

Pengurusan di dalam syarikat juga amat penting. Ini kerana syarikat Raihan Event Management (M) Sdn. Sdn. terlibat dalam industri seni suara. Segala perbelanjaan, penyusunan jadual, pembahagian royalti dan sebagainya harus diuruskan dengan bijak. Industri seni suara tidak begitu senang untuk diuruskan seperti diperkatakan oleh ramai orang.